

Headline	Bukit Fraser uji kemahiran peserta		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	23 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	14	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,463
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,389



Bukit Fraser uji kemahiran peserta

Oleh MOHD. AFIQ ZULKIFLI
afiq.zulkifli@kosmo.com.my

BUKIT FRASER – Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Kali ke-26 bermula secara rasmi apabila seramai 50 peserta dari dalam dan luar negara dilepaskan dalam satu majlis kira-kira pukul 1 petang di sini semalam.

Majlis pelepasan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Datuk Md. Hanafiah Abdul Talib.

Menurut beliau, peserta akan mengikut laluan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur bagi memudahkan mereka melihat dan merekod spesies

burung yang ditemui.

“Peserta akan bergerak bebas mengikut kumpulan masing-masing dan setiap kawasan Bukit Fraser mempunyai spesies burung yang berlainan.

“Lazimnya, dalam tempoh pertandingan seperti ini, kira-kira 70 spesies burung mampu direkodkan oleh peserta, namun ia juga bergantung kepada keadaan cuaca.

“Peserta yang merekod paling banyak dan dengan betul spesies burung akan diumumkan sebagai pemenang esok (hari ini),” katanya ketika ditemui selepas majlis pelepasan di sini semalam.

Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa yang merupakan acara tahunan dalam kalendar pe-

lancongan negeri Pahang itu akan berakhir pada pukul 1 petang ini.

Bagi memeriahkan pertandingan itu, gerai pameran dan jualan

oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta turut diadakan.

Antaranya ialah Kraftangan Pahang, Jabatan Perhutanan Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan syarikat kamera, Leica.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah akan dirasmikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

Dalam pada itu, Hanafiah berharap pertandingan itu dapat menarik minat orang ramai menjadikan aktiviti melihat burung sebagai kegiatan yang sihat dan berfaedah.

Headline	Bukit Fraser uji kemahiran peserta		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	23 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	14	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,463
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,389



MD. HANAFIAH (tengah) melancarkan Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa 2013 di Bukit Fraser semalam.



BEBERAPA peserta menggunakan teropong untuk melihat burung di Bukit Fraser.